



## PENGETAHUAN JAWI BAGI KATA PINJAMAN INGGERIS DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA

### [JAWI KNOWLEDGE OF ENGLISH LOANWORDS AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS AND FACTORS AFFECTING IT]

NAZATUL NADIA AHMAD ISMAIL & HARUN BAHRUDIN<sup>1</sup>

1\* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.  
Email: p112134@siswa.ukm.edu.my; harunbaharudin@ukm.edu.my

Corespondent Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

---

Received: 18 May 2023

Accepted: 15 June 2023

Published: 10 July 2023

---

**Abstrak:** Penjajahan British merupakan salah satu faktor wujudnya kata pinjaman Inggeris yang telah digunakan secara meluas dalam Bahasa Melayu kini. Usaha memartabatkan semula Bahasa Melayu dan tulisan Jawi telah dilakukan di mana tulisan Jawi telah diwajibkan penggunaannya dalam Pendidikan Islam. Kajian ini mengkaji tentang tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah dan faktor yang mempengaruhinya. Sampel kajian melibatkan 150 orang murid tahun enam dari tiga buah sekolah rendah di daerah Bangsar. Kajian ini menggunakan set soal selidik dan set ujian diagnostik bagi mendapatkan data. Data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Analisis data pula dilakukan secara deskriptif menggunakan skor min dan sisihan piawai. Ujian korelasi Pearson juga digunakan bagi melihat hubungan antara pembolehubah tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris dan faktor yang mempengaruhinya. Analisis data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris berada pada tahap yang tinggi ( $\text{min} = 87.52$ ,  $\text{SP} = 3.739$ ). Sumbangan pengetahuan baharu daripada kajian ini kepada literatur amalan pengajaran Jawi akan dapat menyokong hasrat pihak berwajib dan pengurusan sekolah dalam meningkatkan prestasi dan tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris ke suatu tahap yang lebih baik.

**Kata kunci:** tahap pengetahuan, Jawi, kata pinjaman Inggeris, faktor yang mempengaruhi, murid

**Abstract:** British colonization is one of the factors in the existence of English loanwords that have been widely used in Malay today. Efforts to restore the dignity of the Malay language and the Jawi script have been made where the use of the Jawi script has been made mandatory in Islamic Education. This study examines the level of Jawi knowledge of English loanwords among primary school students and the factors that influence it. The study sample involved 150 sixth year students from three primary schools in Bangsar district. This study uses a set of questionnaires and a set of diagnostic tests to obtain data. Data were collected and analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Data analysis was done descriptively using the mean score and standard deviation. Pearson's correlation test was also used to see the relationship between the variables of the level of Jawi knowledge of English loanwords and the factors that influence it. Data analysis shows that students' Jawi knowledge level of English loanwords is at a high level ( $\text{mean} = 87.52$ ,  $\text{SP} = 3.739$ ). The contribution of new knowledge from this study to the literature of Jawi teaching practice will be able to support the wishes of the authorities and school management in improving the performance and level of Jawi knowledge of English loanwords to a better level.

**Keywords:** knowledge level, Jawi, English loanwords, factors that influence, students

**Cite This Article:**

Nazatul Nadia Ahmad Ismail & Harun Baharudin. 2023. Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah dan Faktor yang Mempengaruhinya [Jawi Knowledge of English Loanwords among Primary School Students and Factors Affecting It]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(3), 22-38.

## PENGENALAN

Medium utama dalam sistem pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia adalah dengan menggunakan tulisan Jawi termasuk penulisan buku teks. Hal ini bertujuan bagi meningkatkan kemahiran membaca dan menulis pelajar dalam tulisan Jawi sekaligus memartabatkan tulisan Jawi di negara ini. Namun begitu, terdapat pelajar yang menganggap tulisan Jawi adalah tulisan yang tidak penting kerana ianya tidak dinilai dalam peperiksaan. Impaknya, hal ini telah mempengaruhi minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian oleh Saiful Bahari dan Mazlan (2019) mendapati sebanyak 14 peratus murid memperoleh keputusan gagal dalam tulisan Jawi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan faktor yang mempengaruhinya.

Kesan daripada penjajahan British, sistem tulisan Melayu telah mengalami perubahan. Aksara Jawi yang bertakhta suatu masa dahulu kini kian dilupakan. Hasil penggunaan Bahasa Inggeris sewaktu penjajahan British juga telah memberi pengaruh terhadap sistem bahasa di negara ini. Kesannya, telah banyak perkataan pinjaman Bahasa Inggeris yang diserap ke dalam Bahasa Melayu dan sering digunakan dalam kehidupan seharian. Hal ini menimbulkan masalah dan kesukaran apabila perkataan pinjaman Bahasa Inggeris ini hendak ditulis dalam tulisan Jawi. Hal ini demikian kerana terdapat kekurangan huruf konsonan dalam tulisan Jawi untuk mewakili huruf dalam tulisan rumi berserta bunyinya. Tambahan pula, hal ini juga menyebabkan kesukaran untuk menyebut perkataan Inggeris sehingga berlaku penyebutan yang kurang tepat. Perkara yang lebih membimbangkan ialah tulisan Jawi akan mengalami kesulitan untuk memenuhi keperluan semasa kerana semakin banyak istilah baru yang wujud terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

Kata pinjaman Jawi merupakan satu tahap penguasaan yang amat sukar untuk dicapai oleh murid lebih-lebih lagi dalam bentuk penulisan. Kata pinjaman Jawi boleh dibahagikan kepada dua iaitu kata pinjaman Bahasa Arab dan kata pinjaman Bahasa Inggeris. Kajian daripada Nazirah Radin Salim (2013) berkaitan tahap penguasaan kata pinjaman Bahasa Arab dalam kalangan murid di beberapa sekolah menengah menunjukkan hasil pencapaian murid yang lemah dan mereka masih menghadapi kekeliruan dalam mengeja perkataan tertentu. Hal ini agak menyedihkan kerana kata pinjaman Bahasa Arab sering digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian.

Murid-murid pada masa kini telah terdedah dengan era sains dan teknologi yang berteraskan kepada Bahasa Inggeris sebagai medium penyampaian utama. Oleh itu, banyak kosa kata Bahasa Inggeris yang dipelajari dan digunakan dalam urusan seharian. Keadaan ini berlaku melihat kepada situasi generasi masa kini yang kian sebat dengan pengucapan ragam standard yang sering terjadi dalam komunikasi (Mohamad Firdaus, Shahidi dan Rahim Aman, 2022). Namun begitu, kebanyakan murid masih lagi lemah apabila diminta mengeja perkataan

pinjaman Bahasa Inggeris secara lisan mahupun tulisan dalam Jawi. Apa yang lebih membimbangkan ialah ada segelintir murid yang tidak dapat mengesan perkataan yang diserap daripada Bahasa Inggeris dan menganggapnya sebagai perkataan asal dalam bahasa Melayu.

Kajian ini dilihat menjadi keperluan semasa terhadap pengkajian tulisan Jawi khususnya bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris. Kajian-kajian lalu berkaitan tahap pengetahuan murid telah banyak dibuat sama ada melalui penulisan buku, tesis, jurnal dan sebagaimana. Kajian berkaitan penguasaan Jawi juga telah banyak dilakukan seperti dalam kalangan murid, pelajar sekolah menengah dan juga pelajar di peringkat pengajian tinggi. Namun begitu, kajian tahap pengetahuan Jawi berkaitan kata pinjaman khususnya bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dilihat masih kurang penglibatannya.

Kajian-kajian lalu yang telah dijalankan kebanyakannya hanya menyentuh berkaitan penguasaan Jawi secara umum dan hanya beberapa kajian sahaja yang mengkaji berkaitan penguasaan Jawi dalam kata pinjaman Bahasa Arab. Justeru, kajian tentang penguasaan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris ini perlu dijalankan bagi melihat tahap pengetahuan Jawi murid dalam bidang ini dan faktor yang mempengaruhi murid untuk menguasainya. Kajian ini penting untuk menjadi perintis dan menjadi landasan awal penerokaan kepada penguasaan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam kalangan murid khususnya di peringkat permulaan iaitu di peringkat sekolah rendah.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Bahasa Inggeris**

Bahasa Inggeris telah digunakan secara pesat pada masa kini. Bahasa Inggeris bukan sahaja merupakan bahasa ekonomi tetapi juga menjadi bahasa teknologi yang membolehkan negara mampu untuk berdaya saing dan bersikap kompetitif dalam dunia tanpa sempadan kini. Kira-kira 377 juta orang telah menjadikan Bahasa Inggeris ini sebagai bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi dan selebihnya mereka menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dalam hal ini, Malaysia juga tidak terkecuali dalam menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua negara selepas Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris juga dilihat mempunyai ciri-ciri bahasa yang mampu mempengaruhi bahasa lain kerana ianya berkredibiliti sebagai bahasa utama yang digunakan di peringkat antarabangsa (Tatu Siti Rohbiah, 2017).

Silibus pembelajaran di Malaysia telah lama menggunakan Bahasa Inggeris secara formal malah ianya telah bermula di peringkat prasekolah lagi. Tambahan pula, mata pelajaran Bahasa Inggeris juga telah diwajibkan pada peringkat sekolah rendah sehingga peringkat sekolah menengah. Kebanyakan institusi pengajian tinggi seperti kolej dan universiti juga telah menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama mereka. Namun begitu, menurut Yohan Zhou (2020) penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris dilihat masih lagi kurang memberangsangkan khususnya bagi pelajar yang berada di kawasan luar bandar. Majoriti pelajar luar bandar lebih gemar menggunakan bahasa ibunda (Aziz, Hashim dan Yunus, 2019). Kekurangan penggunaan bahasa ini akan mengakibatkan mereka mengalami kerumitan dalam penguasaan Bahasa Inggeris terutama dalam kemahiran menulis.

## **Tulisan Jawi**

Masyarakat Melayu dan tulisan Jawi memang tidak dapat dipisahkan. Karya Jawi alam Melayu amat terkenal suatu ketika dahulu dan masih lagi relevan untuk digunakan hingga ke hari ini sebagai bahan pengajaran (Mohd Puaad, Rahimin Affandi, Ahmad Farid dan Huzaimeah, 2018). Namun, pengaruh tulisan Jawi sudah semakin berkurang selepas pihak penjajah memperkenalkan tulisan rumi. Kini, tulisan Jawi kurang dikomersialkan dalam kalangan masyarakat. Terdapat segelintir sahaja individu yang masih menggunakan tulisan Jawi. Tulisan Jawi diabaikan sehingga ramai dalam kalangan orang Melayu yang buta Jawi serta menganggap penggunaan tulisan Jawi hanya sesuai diperlakukan dalam pembelajaran tidak rasmi (Fuadi, Azrizan dan Ruziman, 2022).

## **Kata pinjaman**

Setiap bahasa pasti tidak dapat lari dari berlakunya peminjaman bahasa daripada bahasa lain. Setiap dialek atau bahasa pasti akan berhubung dengan bahasa atau dialek yang lain dan hasil daripada hubungan ini wujudlah peminjaman kata. Mohamad Nortaufiq, Mohd Khadir dan Aniswal (2022) menyatakan bahawa peminjaman kata dikaitkan dengan faktor pertembungan masyarakat yang menyebabkan peminjaman perkataan berlaku. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), kata pinjaman ialah kata yang terserap dan digunakan dalam sesebuah bahasa tetapi sebenarnya berasal daripada bahasa lain. Mohamad dan Harun (2019) membincangkan bahawa istilah peminjaman kosa kata lebih sesuai digunakan kerana kata yang dipinjam tidak boleh menjadi milik sesuatu bahasa yang meminjam meskipun kata tersebut telah lama digunakan dalam kalangan masyarakat tersebut.

Peminjaman kata daripada Bahasa Inggeris telah berlaku bermula daripada penjajahan. Peminjaman beribu-ribu istilah daripada Bahasa Inggeris bukanlah sebuah kemegahan malah ianya adalah satu keperluan bagi memenuhi kehendak perkembangan dunia kini khususnya dalam bidang pendidikan. Perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris kian meningkat penggunaannya dalam bahasa Melayu. Namun begitu, peminjaman ini juga telah menyebabkan berlakunya perubahan sebutan yang membawa kepada perubahan bentuk ejaan (Zaidan, 2015). Tambahan pula, proses mengeja kata pinjaman Bahasa Inggeris menggunakan tulisan Jawi mengalami kesukaran kerana kekurangan huruf konsonan bagi mewakili huruf-huruf rumi dan bunyinya.

## **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.
2. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi murid dalam menguasai Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris.
3. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan faktor yang mempengaruhinya.

## METODOLOGI KAJIAN

### Pensampelan

Sampel kajian terdiri daripada murid-murid tahun enam di sekolah kebangsaan di daerah Bangsar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bilangan sampel kajian adalah seramai 150 orang. Murid tahun enam dipilih bagi menjalankan kajian ini kerana mereka telah melalui tempoh persekolahan yang paling lama dalam kalangan murid sekolah rendah. Mereka telah mengikuti sesi pembelajaran Jawi melalui mata pelajaran Pendidikan Islam selama enam tahun.

### Kaedah Mengumpul Data

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan di mana kaedah soal selidik dan ujian diagnostik digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Kaedah ini dipilih untuk melihat tahap pengetahuan murid terhadap kata pinjaman bahasa Inggeris dan faktor yang mempengaruhi mereka dari aspek minat, sikap dan motivasi. Pengkaji membuat tinjauan menggunakan prosedur penyelidikan kuantitatif merujuk kepada kelakuan, pendapat, watak dan sikap responden (Cresswell, 2005).

Instrumen merupakan sebuah alat yang penting dalam melaksanakan sesebuah kajian. Instrumen berperanan untuk mengumpulkan maklumat atau mengkaji sesuatu (Bhashah, 2007 dalam Siti Mariam Enam, 2011). Dua jenis instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah sebuah set soal selidik dan sebuah set soalan Ujian Diagnostik Pengetahuan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris bagi mendapatkan data kajian.

Pembinaan set soal selidik adalah berdasarkan kepada perbincangan dan persetujuan bersama pensyarah penyelia. Maklumat juga telah diperoleh hasil daripada perbincangan dan temu bual secara tidak formal antara pengkaji dan guru-guru Pendidikan Islam khususnya yang mengajar bidang Jawi. Instrumen kajian ini mengandungi 26 item yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu maklumat latar belakang murid dan soal selidik berkaitan faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan mereka bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam tulisan Jawi.

Jadual 1.1 Taburan Keseluruhan Item Soal Selidik

Bahagian	Aspek diukur	Bilangan item	No item
A	Maklumat demografi	3	1 hingga 3
B	Minat	8	Ba1 hingga Ba8
	Sikap	8	Bb1 hingga Bb8
	Motivasi	7	Bc1 hingga Bc7

Soal selidik ini menggunakan skala pemeringkatan Likert empat mata. Pengkaji memilih skala Likert kerana ia mudah untuk ditadbirkan dan mempunyai format yang membolehkan data untuk dianalisis dengan mudah. Skala Likert empat mata yang digunakan memberikan petunjuk seperti jadual berikut:

### Jadual 1.2 Empat Tahap Pengukuran Skala

Skala	Item
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

Borang ujian diagnostik yang digunakan dalam kajian ini pula mengandungi 30 item yang telah diadaptasi dan diubahsuai daripada borang Ujian Penguasaan Menulis Jawi oleh Siti Mariam (2011). Kriteria ujian diagnostik ini adalah berdasarkan jadual berikut:

### Jadual 1.3 Kriteria Ujian Diagnostik

Bahagian	Jenis Soalan	Bil.	Bil. Kata	Jumlah Kata
		Perkataan	Pinjaman	Pinjaman
C	Senarai perkataan	Ca Tulisan rumi	15	10
		Cb Tulisan Jawi	15	10
D	Senarai ayat	Da Tulisan rumi	10	5
		Db Tulisan Jawi	10	5
Jumlah Keseluruhan Kata Pinjaman				30

Kebolehpercayaan item soal selidik telah diukur menggunakan kaedah *Alpha Cronbach* kerana item-item ini diuji secara politomi. Hal ini demikian kerana pekali kebolehpercayaan jenis *Alpha Cronbach* adalah yang paling sesuai bagi data selanjar yang menggunakan skala Likert khususnya dan alat ukur soal selidik amnya (Chua, 2006). Bagi mengelakkan ralat dalam kajian ini, pengkaji juga telah menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang subjek kajian yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden kajian.

Proses pengumpulan data bermula dengan mengedarkan set soal selidik dan borang ujian secara serentak kepada responden kajian. Responden telah diberikan penjelasan dan penerangan yang lengkap terlebih dahulu berkaitan tujuan kajian, prosedur dan tatacara menjawab ujian daripada pengkaji. Kemudian, responden telah diminta untuk melengkapkan ujian secara berturutan iaitu bermula dengan set soal selidik dan diikuti dengan borang ujian. Sesi menjawab ini dijalankan secara formal bersama bantuan guru-guru mata pelajaran yang terlibat. Setelah selesai dan lengkap diisi, pengkaji telah mengutip kedua-dua instrumen tersebut daripada responden kajian. Data telah dikumpulkan dan ditadbir secara sendirian oleh pengkaji.

### Kaedah Menganalisis Data

Data-data yang diperoleh daripada borang kaji selidik telah dianalisis berdasarkan objektif dan hipotesis kajian menggunakan perisian SPSS. Penganalisisan data pula telah dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif seperti menggunakan peratusan, min, kekerapan, dan sisihan

piawai. Seterusnya, data-data yang diperoleh daripada Ujian Diagnostik Tahap Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris telah dinilai berdasarkan pemarkahan yang diberikan oleh pengkaji. Bagi analisis inferensi pula, kajian ini menggunakan Korelasi Pearson bagi melihat hubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah.

## DAPATAN KAJIAN

### **Persoalan kajian pertama: Apakah tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dalam kalangan murid?**

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama dan menjelaskan tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris, analisis dapatan akan menghuraikan skor keseluruhan tahap pengetahuan Jawi murid di samping menghuraikan skor keseluruhan tahap pengecaman kata pinjaman Inggeris melalui bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris secara keseluruhan adalah berdasarkan skor ujian yang mengandungi 30 item kata pinjaman Inggeris yang perlu dikenalpasti kesemuanya oleh murid semasa menjawab soalan.

Jadual 1.4 Skor Keseluruhan Tahap Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Inggeris

N	Skor/ 100		Min	Sisihan Piawai
	Terendah	Tertinggi		
150	77	97	87.52	3.739

Jadual di atas menunjukkan skor keseluruhan tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris. Skor terendah yang telah dicapai oleh murid ialah 77% manakala skor yang tertinggi ialah 97%. Skor purata min ialah 87.52 dan sisihan piawai sebanyak 3.739. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 1.5 Tahap Pengecaman Kata Pinjaman Inggeris melalui Tulisan Rumi dan Tulisan Jawi

Tulisan	N	Skor/ 100		Min	Sisihan Piawai
		Terendah	Tertinggi		
Rumi	150	71	97	85.62	4.236
Jawi	150	73	98	89.56	5.140

Jadual 1.5 menunjukkan skor tahap pengecaman kata pinjaman Inggeris melalui tulisan Jawi dan tulisan rumi. Skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Inggeris melalui tulisan Jawi ialah sebanyak 73% manakala skor tertinggi pula ialah 98%. Skor purata min bagi tahap pengecaman kata pinjaman Inggeris melalui tulisan Jawi

adalah sebanyak 89.56 dengan sisihan piawai sebanyak 5.140. Bagi skor terendah yang dicapai oleh responden dalam mengecam kata pinjaman Inggeris melalui tulisan rumi pula ialah 71% dan skor tertinggi ialah 97%. Skor purata min bagi tahap pengecaman melalui tulisan rumi ialah 85.62 bersama sisihan piawai sebanyak 4.236. Berdasarkan jadual ini, dapat dilihat bahawa tiada perbezaan yang ketara bagi tahap pengecaman kata pinjaman Inggeris melalui tulisan Jawi dan tulisan rumi di mana perbezaan min hanyalah sebanyak 3.94.

### **Persoalan kajian kedua: Apakah faktor yang mempengaruhi murid dalam menguasai Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris?**

Faktor dalaman dalam kajian ini dapat dilihat melalui tiga konstruk iaitu konstruk minat, konstruk sikap dan konstruk motivasi.

#### **a. Konstruk Minat**

Jadual 1.6 Dapatan bagi Konstruk Minat

Item	Perkara	Min	Tafsiran Min
Ba1	Saya minat belajar mata pelajaran Jawi	4.20	Tinggi
Ba2	Saya minat menulis Jawi	3.73	Sederhana Tinggi
Ba3	Saya minat tulisan Jawi	3.71	Sederhana Tinggi
Ba4	Saya mahir menulis Jawi	3.66	Sederhana Tinggi
Ba5	Saya suka membaca bahan dalam tulisan Jawi	3.67	Sederhana Tinggi
Ba6	Saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan Jawi	2.76	Sederhana Rendah
Ba7	Saya berminat untuk menulis Jawi kerana ia unik dan mencabar	3.83	Sederhana Tinggi
Ba8	Saya mempunyai keazaman untuk mahir menulis Jawi	3.87	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan		3.68	Sederhana Tinggi

Berdasarkan analisis skor min dalam jadual di atas, min keseluruhan bagi faktor minat berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 3.68. Item saya minat belajar matapelajaran Jawi berada pada tahap tertinggi dengan skor min sebanyak 4.20. Antara item lain yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah saya minat menulis Jawi (3.73), saya minat tulisan Jawi (3.71), saya berminat untuk menulis Jawi kerana ia unik dan mencabar (3.83) dan saya mempunyai keazaman untuk pandai menulis Jawi (3.87), saya mahir menulis Jawi (3.66) dan saya suka membaca bahan dalam tulisan Jawi (3.67). Manakala item yang berada pada tahap sederhana rendah ialah item saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan Jawi (2.76).

### b. Konstruk Sikap

Jadual 1.7 Dapatan bagi Konstruk Sikap

Item	Perkara	Min	Tafsiran Min
Bb1	Penulisan Jawi adalah tidak penting pada zaman sekarang	2.82	Sederhana Rendah
Bb2	Saya selalu bersikap endah tidak endah sewaktu guru mengajar	3.98	Sederhana Tinggi
Bb3	Tiada siapa berhak memaksa saya belajar Jawi	2.89	Sederhana Rendah
Bb4	Tulisan Jawi adalah susah dan merumitkan	2.71	Sederhana Rendah
Bb5	Jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja	2.56	Sederhana Rendah
Bb6	Sebagai seorang beragama Islam saya patut menguasai tulisan Jawi	3.30	Sederhana Tinggi
Bb7	Rasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis Jawi	4.45	Tinggi
Bb8	Tiada beza sama ada tahu atau tidak menulis Jawi Min Keseluruhan	3.35 3.25	Sederhana Tinggi Sederhana Tinggi

Jadual di atas menunjukkan faktor sikap yang mempengaruhi tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris. Secara keseluruhannya faktor sikap memperoleh min sebanyak 3.25 iaitu pada tahap sederhana tinggi. Item yang berada pada tahap tertinggi ialah rasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis Jawi (4.45). Manakala item yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah saya selalu bersikap endah tidak endah sewaktu guru mengajar (3.98), sebagai seorang beragama Islam saya patut menguasai tulisan Jawi (3.30) dan tiada beza sama ada tahu atau tidak menulis Jawi (3.35). Seterusnya, item yang berada pada tahap sederhana rendah ialah penulisan Jawi adalah tidak penting pada zaman sekarang (2.82), tiada siapa berhak memaksa saya belajar jawi (2.89), tulisan Jawi adalah susah dan merumitkan (2.71) dan Jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja (2.56).

### c. Konstruk Motivasi

Jadual 1.8 Dapatan bagi Konstruk Motivasi

Item	Perkara	Min	Tafsiran Min
Bc1	Saya mempunyai bahan bacaan Jawi di rumah	2.98	Sederhana Rendah
Bc2	Saya mempunyai media berkaitan tulisan Jawi	3.73	Sederhana Tinggi
Bc3	Ibu bapa selalu mendorong saya supaya mempelajari Jawi dengan sebaik mungkin	3.25	Sederhana Tinggi
Bc4	Sekiranya saya menyertai pertandingan berkaitan Jawi, saya akan berusaha untuk memenanginya	3.73	Sederhana Tinggi

Bc5	Guru memberikan galakan dan semangat untuk menulis Jawi	3.20	Sederhana Tinggi
Bc6	Guru menggunakan alat bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran	3.46	Sederhana Tinggi
Bc7	Saya berusaha belajar menulis Jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis Jawi	4.20	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.07	Sederhana Tinggi

Jadual 1.8 merupakan faktor motivasi yang mempengaruhi tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris. Faktor motivasi murid secara keseluruhannya memperoleh min sebanyak 3.07 iaitu pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan jadual tersebut, item yang berada pada tahap tertinggi ialah item saya berusaha belajar menulis Jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis Jawi (4.20). Seterusnya, item yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah saya mempunyai media berkaitan tulisan Jawi (3.73), sekiranya saya menyertai pertandingan menulis Jawi, saya akan berusaha untuk memenanginya (3.73), guru menggunakan alat bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (3.46), ibu bapa selalu mendorong saya supaya mempelajari Jawi dengan sebaik mungkin (3.25) dan guru memberi galakan dan semangat untuk menulis Jawi (3.20). Manakala skor min yang berada pada tahap sederhana rendah ialah item murid mempunyai bahan bacaan Jawi di rumah (2.98).

Hasil analisis min keseluruhan daripada ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan Jawi murid dalam menguasai Jawi bagi kata pinjaman Inggeris iaitu minat, sikap dan motivasi yang paling tinggi ialah faktor minat iaitu 3.68. Manakala faktor yang paling rendah ialah faktor motivasi iaitu 3.07. Hal ini menunjukkan faktor minat lebih cenderung mempengaruhi murid-murid tahun enam ini dalam menguasai Jawi. Berdasarkan daripada hasil dapatan bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, murid-murid amat meminati mata pelajaran Jawi terutamanya dari segi tulisan Jawi itu sendiri dan murid mempunyai keazaman untuk pandai menulis Jawi pada masa akan datang. Hal yang sedemikian tidaklah membimbangkan pihak sekolah kerana murid itu sendiri bertekad dan berazam untuk memajukan diri dalam mata pelajaran Jawi.

### **Persoalan kajian ketiga: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris dengan faktor yang mempengaruhinya?**

Ujian korelasi telah dibuat bagi melihat hubungan antara tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris dan faktor yang mempengaruhinya. Ujian ini telah melibatkan skor keseluruhan ujian diagnostik dengan min bagi setiap konstruk faktor dalam menggunakan ujian korelasi Pearson.

### Jadual 1.9 Dapatan bagi Ujian Korelasi Pearson

Faktor yang Mempengaruhi	Min	Korelasi Pearson (Tahap Signifikan – p)
Minat	3.68	0.239 (0.003)
Sikap	3.25	0.015 (0.855)
Motivasi	3.07	-0.301 (0.000)

Jadual di atas menunjukkan dapatan ujian korelasi Pearson yang telah dilakukan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris. Hasil ujian mendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik yang telah diperoleh dengan dua konstruk faktor iaitu konstruk minat dan konstruk motivasi. Nilai korelasi bagi konstruk minat ialah sebanyak 0.239 dan nilai korelasi bagi konstruk motivasi pula ialah -0.301 di mana tahap signifikan masing-masing ialah 0.003 ( $p<0.05$ ) dan 0.000 ( $p<0.005$ ). Namun begitu, hasil ujian mendapat bahawa tiada hubungan yang signifikan antara konstruk sikap dengan skor ujian diagnostik yang telah diperoleh di mana nilai korelasi ialah 0.015 dan tahap signifikan pula ialah 0.855. Hasil ujian ini juga menunjukkan bahawa semakin tinggi skor yang diperoleh, semakin tinggi minat dan motivasi murid terhadap Jawi. Namun, tiada korelasi yang wujud antara skor ujian diagnostik dengan konstruk sikap walaupun nilainya agak tinggi.

## PERBINCANGAN

### Objektif Kajian 1: Mengenal pasti Tahap Pengetahuan Jawi Murid bagi Kata Pinjaman Inggeris

Dapatan tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris berdasarkan skor keseluruhan menunjukkan skor terendah yang dicapai oleh responden dalam instrumen ujian diagnostik ialah 77% dan skor tertinggi yang dicapai pula ialah 97%. Skor min keseluruhan ialah 87.52. Hal ini menunjukkan skor keseluruhan tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Inggeris oleh kesemua 150 orang responden berada pada tahap yang tinggi.

Tahap pengetahuan yang tinggi ini tidak mustahil berlaku kerana responden kajian terdiri daripada murid-murid yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kemungkinan untuk responden dapat membuat pengecaman terhadap kata pinjaman Inggeris dengan lebih baik adalah tinggi. Hal ini akan sukar dicapai sekiranya responden merupakan murid-murid yang tidak mempelajari bahasa Inggeris di mana mereka akan lebih sukar membuat perkaitan antara kata pinjaman Inggeris dengan bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abu Zahari Abu Bakar (1988) dalam Nor'azian (2020) yang menyatakan bahawa manusia cenderung belajar dan mengingati perkara yang berkait antara satu sama lain. W.M. Rivers (1964) dalam Khairul Nizam (2017) juga berpendapat bahawa murid mampu menerima pelajaran dengan lebih berkesan melalui iktibar iaitu dengan memberi murid kemampuan untuk menerima pelajaran dengan cara melihat persamaan dan hubungan.

Tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris juga dilihat berdasarkan pengecaman melalui tulisan rumi dan tulisan Jawi. Dapatan kajian menunjukkan skor terendah

yang dicapai bagi mengecam kata pinjaman Inggeris melalui tulisan rumi ialah sebanyak 73% manakala skor yang tertinggi pula ialah sebanyak 98%. Bagi skor terendah yang dicapai oleh responden bagi mengecam kata pinjaman Inggeris melalui tulisan Jawi pula ialah 71% dan skor tertinggi ialah 97%. Skor min bagi tahap pengecaman melalui tulisan rumi ialah 89.56 sementara skor min bagi tahap pengecaman melalui tulisan Jawi ialah 85.62. Perbezaan skor purata min sebanyak 3.94 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara tahap pengecaman perkataan pinjaman Inggeris melalui tulisan rumi mahupun tulisan Jawi.

Berdasarkan dapatan ini, responden dilihat mampu untuk mengecam perkataan pinjaman Inggeris dengan baik sama ada melalui tulisan rumi mahupun tulisan Jawi. Hal ini menunjukkan bahawa responden mampu untuk membuat perhubungan yang baik dan jelas antara perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dapatan ini selari dengan huraian sebelum ini yang menyatakan bahawa pentingnya pertalian dan perkaitan antara bahasa ibunda dengan bahasa asing dalam memudahkan seseorang untuk mempelajarinya. Kebolehan semula jadi kanak-kanak menjadikan mereka kreatif dalam menggunakan bahasa. Pendapat ini juga disokong oleh Haizah dan Norazana (2022) yang menyatakan bahawa sekiranya sesuatu maklumat itu dapat dihubungkan maka pemikiran kreatif telah terhasil.

## **Objektif Kajian 2: Mengenal pasti Faktor yang Mempengaruhi Murid dalam Menguasai Jawi Bagi Kata Pinjaman Inggeris**

### **i. Minat**

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi konstruk minat berada pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 3.68. Hasil dapatan menunjukkan murid-murid mempunyai minat yang tinggi terhadap Jawi di mana instrumen tersebut memperoleh skor min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.20. Hal ini bertentangan dengan pendapat Noorain Syahirah dan Aminnudin (2022) yang menyatakan bahawa generasi muda kini kurang berminat terhadap tulisan Jawi. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan penyertaan murid-murid dalam pertandingan berkaitan penulisan Jawi berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini mungkin disebabkan murid kurang minat untuk terlibat dalam pertandingan tersebut, kurang galakan daripada guru, tidak mempunyai keyakinan diri ataupun tidak mendapat pendedahan berkaitan pertandingan Jawi yang dijalankan. Guru-guru seharusnya memberi galakan kepada mereka untuk mengembangkan potensi diri masing-masing.

### **ii. Sikap**

Secara keseluruhannya faktor sikap memperoleh min sebanyak 3.25 iaitu pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan murid-murid masih menunjukkan kecenderungan yang baik terhadap Jawi. Namun begitu, item yang paling tinggi yang diperoleh dari konstruk sikap ini ialah item rasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis Jawi dengan skor min sebanyak 4.45. Pada pendapat pengkaji, sikap ini dimiliki oleh hampir setiap murid. Hal ini berkemungkinan dari cara penyoalan guru itu sendiri yang tidak menarik dan tidak mampu menggalakkan murid untuk menjawab soalan yang diajukan. Selain itu, hal ini juga

berkemungkinan kerana murid tersebut tidak mahir dalam mata pelajaran Jawi sekaligus mengurangkan keyakinan mereka untuk menjawab soalan yang diberi.

Di samping itu, murid juga kurang bersetuju bahawa tulisan Jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja. Hal ini tidak selari dengan pendapat Hazlan (2019) yang menyatakan bahawa pelajar menganggap tulisan Jawi adalah tulisan yang tidak penting kerana ianya tidak dinilai dalam peperiksaan yang mana ianya mempengaruhi minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Meskipun penggunaan tulisan Jawi dilihat tidak lagi meluas seperti pada zaman dahulu, tulisan Jawi masih digunakan hingga ke hari ini. Penulisan buku teks Pendidikan Islam serta sebahagian papan tanda juga masih menggunakan tulisan Jawi.

### **iii. Motivasi**

Antara elemen penting dalam meningkatkan keupayaan kendiri dan keyakinan murid dalam pendidikan ialah motivasi. Guru memainkan peranan penting untuk menerapkan nilai-nilai motivasi murid seperti memberikan galakan, sokongan dan semangat kepada mereka khususnya dalam melakukan sesuatu. Melihat kepada dapatan kajian yang diperoleh, item yang berada tahap tinggi ialah item saya berusaha belajar menulis Jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis Jawi. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi melalui pengaruh rakan sebaya juga sangat memberi impak kepada kemajuan diri murid. Murid akan cenderung untuk menjadi lebih baik daripada rakan-rakan mereka dalam semua aspek terutamanya dalam pembelajaran.

Keperluan untuk meletakkan murid-murid yang berbeza pencapaian dalam sebuah kelas yang sama dapat membantu mereka bersaing secara sihat dan memajukan diri sendiri untuk meningkatkan penguasaan dalam mata pelajaran Jawi. Item yang berada pada tahap sederhana rendah dalam konstruk motivasi ini ialah item saya mempunyai bahan bacaan di rumah dengan nilai skor min sebanyak 2.98. Kebanyakan ibu bapa tidak melihat Jawi sebagai sebuah keutamaan untuk dipelajari. Pendedahan dan galakan seperti menyediakan surat khabar, majalah, buku-buku dan sebagainya yang berkaitan dengan bahan bacaan Jawi tidak diendahkan oleh ibu bapa. Pengkaji tidak hanya menuding jari kepada ibu bapa sahaja kerana hal ini berkemungkinan disebabkan olehkekangan masa dan wang yang tidak mengizinkan.

## **Objektif Kajian 3: Mengenal pasti Hubungan antara Tahap Pengetahuan Jawi bagi Kata Pinjaman Inggeris dalam Kalangan Murid dengan Faktor yang Mempengaruhinya**

### **i. Faktor Minat**

Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik yang dijalankan dengan konstruk minat murid. Hal ini bermakna semakin tinggi minat murid terhadap Jawi, semakin tinggi skor ujian diagnostik yang diperoleh. Hubungan ini jelas menunjukkan bahawa dalam meningkatkan pencapaian murid dalam sesuatu perkara, perkara penting yang perlu dipupuk ialah minat mereka terhadap perkara tersebut. Bagi mengaplikasikan perkara ini dalam konteks tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris, guru-guru boleh menuai minat mereka terhadap Jawi dengan menunjukkan bahawa Jawi itu sendiri mudah untuk dipelajari selain ianya sangat bermanfaat untuk kegunaan pada masa hadapan seperti mampu membaca pelbagai medium dalam tulisan Jawi.

## **ii. Faktor Sikap**

Hasil ujian korelasi yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk ini. Hal ini bermakna walaupun nilai sikap murid tersebut berada pada tahap yang tinggi, ianya tidak mempengaruhi tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris. Dalam erti kata lain, murid yang mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Jawi tidak semestinya akan mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Hal ini berkemungkinan kerana sikap mereka yang positif terhadap Jawi tidak menjamin kecenderungan dan usaha mereka untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

## **iii. Faktor Motivasi**

Berdasarkan ujian korelasi yang telah dijalankan, dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara skor ujian diagnostik dengan konstruk motivasi. Hal ini menunjukkan bahawa kadar motivasi yang ada dalam diri murid akan mempengaruhi skor ujian yang dijalankan. Berdasarkan perkara ini, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kadar motivasi murid, semakin tinggi tahap pengetahuan Jawi murid bagi kata pinjaman Inggeris. Dalam konteks pembelajaran di sekolah, motivasi utama murid adalah galakan daripada guru serta pengaruh rakan-rakan. Guru-guru mestalah memberikan galakan kepada murid dari segi mental dan fizikal khususnya dalam mempelajari Jawi. Sokongan, pujian dan teguran secara berhemah mampu membantu murid meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan Jawi bagi kata pinjaman Bahasa Inggeris dengan faktor yang mempengaruhinya seperti minat dan motivasi. Sebaliknya, faktor sikap dilihat tidak memberikan impak terhadap pengetahuan mereka. Hal ini menunjukkan pencapaian yang baik berhubung kait dengan faktor minat dan motivasi. Oleh yang demikian, langkah yang konkret perlu diambil bagi memperkuuhkan keupayaan ini untuk menghasilkan sesuatu yang baik pada masa hadapan.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan 1996. *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar. 1988. *Memahami Psikologi Pembelajaran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, N., Hashim, H., & Yunus, M. M. 2019. Using social media to enhance ESL writing skill among Gen-Z learners. *Creative Education*, 10(12): 3020.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.

- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Upper Saddle River. New Jersey: Pearson Education International.
- Creswell, J.W. 2008. *Educational Research: Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 3 ed. New Jersey: Pearson Education International.
- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, Niswa@Noralina Abdullah. 2012. Penguasaan Tulisan Jawi di kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1): 145-156.
- Haizah Bukhari & Norazana Awang Kechik. 2022. Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid India di sebuah Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1:27-37.
- Haugen, E. 1972. *The Ecology of Language*. California: Stanford University Press.
- Hazlan Atan. 2019. Tahap Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Mengajar Jawi Sekolah Rendah Daerah Klang. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haugen, E. 1972. *The Ecology of Language*. California: Stanford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. 2017. Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6 (10): 1-11.
- Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2022. Pemetaan Variasi Fonologi dan Leksikal Dialek Hilir Perak. *Jurnal Melayu*, 21(1): 145-148.
- Mohamad Nortaufiq Nor Hashim, Mohd Khadir Abdul Wahab & Aniswal Abd. Ghani. 2022. Etimologi Kata Pinjaman Parsi dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 21(1): 81-95.
- Mohamad, N., & Harun, K. 2019. Konsep Peminjaman Kosa Kata: Suatu Tinjauan Terhadap Sorotan Literatur. *Trends in Social Sciences*, 1(2): 77-83.
- Mohd Puaad Abdul Malik, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ahmad Farid Abd Jalal & Huzaimah Hj Ismail. 2018. *Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu*, *Jurnal 'Ulwan*, 1: 34-57.
- Mohd Yusof Othman. 2000. *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn Bhd.
- Noorain Syahirah & Aminnudin Saimon. 2022. Tahap Penguasaan Tulisan Jawi: Tinjauan Terhadap Golongan Muda, Pertengahan dan Warga Emas. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(2): 114-123.
- Nor'Azian Nahar. 2020. Hubungan Profesiensi bahasa Melayu dengan Pencapaian akademik Murid bukan Penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287–316.
- Rokiah Awang. 2005. Kata Pinjaman dalam Berita Terjemahan, dlm. Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu, 2(13).
- Siti Hamin Stapa, Tg Nor Rizan Tg Mohd Maasum, Rosniah Mustaffa & Saadiyah Darus. 2008. Workplace written literacy and its effect on the curriculum. *GEMA Online™. Journal of Language Studies*, 8(1): 23-33.

- Siti Mariam Enam @ Iman. 2011. *Pengaruh Amalan Guru dan Sikap Pelajar Terhadap Penguasaan Menulis Jawi dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Zahidah Kosran, Latifah Abdul Majid & Ahamad Asmadi Sakat. 2017. Peranan Tulisan Jawi dalam Penulisan Hadith di Nusantara. *Jurnal al-Turath*, 2(2); 67-83.
- Sulaiman Ngah Ghazali. 1990. *Ke arah mempertingkat mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Perak: Satu kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tatu Siti Rohbiah. 2017. Perubahan Makna Kata Serapan Bahasa Arab dalam Bahasa Inggeris pada Istilah Ekonomi. *Mimbar Sejara, Sastra, Budaya dan Agama*, XXIII (2): 319-335.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. London: Allyn & Bacon.
- Yahaya, Hashim & Che Shariff. 2008. *Pengajaran Sains Dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Dalam Yusof Boon & Seth Sulaiman (Ed.), Permasalahan dalam pendidikan Sains Dan Matematik*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaidan, N. A., Zailaini, M. A., & Ismail, W. M. 2015. Absorption of Arabic words in Malay language. *International Journal of Sustainable Development*, 8(3): 51-58.
- Zhou, Y. 2020. The Influence of Family on Children's Second Language Learning. *Major Papers*, 1:112.